



1041 WASILAH DAKWAH MUAZ BIN JABAL RADIYALLAHHU ANHU DALAM MEDAN

MOHD ASRI BIN ISHAK

asri@kuis.edu.my

MOHD IKRAM BIN MOHD NAWI

ikramnawi@kuis.edu.my

MUHAMMAD ZAID BIN SHAMSHUL KAMAR

muhhammadzaid@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Abstrak

Bagi mencapai hadaf dakwah yang berkesan, pelbagai wasilah diguna pakai sesuai dengan keadaan dan situasi mad'u. Wasilah yang baik mampu memberi kesan atas gerak kerja dakwah yang dilakukan. Para sahabat Nabi s.a.w. radiyallahhu anhum menggunakan pelbagai wasilah dalam gerak kerja dakwah mereka, wasilah yang digunapakai adalah selari dengan zaman mereka, maka dalam kajian ini, penulis cuba mengumpulkan wasilah yang diguna pakai oleh sahabat Nabi Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu dalam perjalanan dakwahnya. Bagi menyempurnakan kajian ini, metodologi yang digunakan adalah berasaskan pegumpulan data, analisis maklumat dan kualitatif kepustakaan. Data yang dikumpulkan adalah berasaskan kitab-kitab bibliografi Muaz bin Jabal radiyallahhu anhu dan kitab-kitab Sirah, selain itu tesis-tesis, jurnal dan artikel-artikel ilmiah juga digunakan bagi melengkapkan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Muaz bin Jabal Radiyallah hu anhu menggunakan pelbagai wasilah dakwah yang sesuai dengan keadaan mad'u dan sesuai dengan kemampuannya. Natijah dari wasilah dakwah yang sesuai telah memberikan impak dan kesan positif terhadap kerja dakwah yang dilakukannya.

Kata kunci: Wasilah, dakwah, Muaz bin Jabal Radiyallahhu an hu.

PENDAHULUAN.

Kerja dakwah merupakan satu perbuatan yang mulia, ianya adalah kerja para nabi dan rasul. Allah s.w.t. mengutuskan para nabi dan rasul untuk menyeru manusia kepada mentauhidkan Allah s.w.t serta melakukan apa yang diperintahkan dan meninggalkan segala yang dilarangNya.



Kerja dakwah adalah kerja yang berterusan yang tiada pengakhiranya ,setelah kewafatan Nabi s.a.w kerja dakwah diteruskan oleh para sahabat Nabi s.a.w.Para sahabat Nabi menjalankan gerak kerja dakwah sebagaimana yang diajarkan dan ditunjukkan oleh Nabi s.a.w .

Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu adalah salah seorang sahabat Nabi yang masyhur . Beliau terkenal sebagai seorang tokoh pendakwah pada zaman Nabi dan seterusnya pada zaman sahabat. Ketokohan beliau sebagai seorang pendakwah diakui bilamana beliau dipilih dan dihantar oleh Nabi s.a.w untuk berdakwah kepada golongan Ahli kitab di Yaman.

Kerja dakwah yang sistematik dan berpandukan sunnah Nabi s.a.w membawa kejayaan yang besar dalam misi dakwah Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu. Ramai pembesar dan penduduk Yaman berjaya di Islamkan oleh Muaz Bin Jabal Radiyallahu anhu sehingga Yaman menjadi sebuah negara Islam.

Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu menggunakan segala wasilah dakwah dalam menyampaikan dan menyebarkan luaskan Islam. Menurut Najidah Zakaria (2016) wasilah dakwah ialah saluran dakwah atau saluran sesuatu isi dakwah untuk disampaikan kepada sasaran. Dalam bahasa Arab ia disebut *wasilah al-da'wah*. Wasilah juga boleh diterjemahkan kepada medium yang digunakan oleh seorang pendakwah dalam menyampaikan isi dakwahnya mengikut kesesuaian mad'u. Setiap wasilah dakwah yang digunakan perlu sesuai dengan suasana dan keadaan mad'u yang ada bagi menjamin isi dakwah sampai kepada mad'u.

Maka sangat perlu kepada pendakwah masa kini mengkaji dan meneliti metodologi dan wasilah dakwah yang digunakan oleh Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu dalam misi dakwahnya kemudian mengaplikasikan wasilah tersebut dalam dunia dakwah moden yang ada bagi menyebarkan luaskan agama Allah di muka bumi Allah ini.

WASILAH (MEDIUM) DAKWAH MUAZ BIN JABAL RADIYALLAHHU ANHU .

Setelah membaca dan mengkaji sejarah kehidupan Muaz bin Jabal radiyallahhu anhu maka beberapa wasilah dakwah yang digunakan oleh Muaz bin Jabal radiyallahhu anhu dalam perjalanan kehidupannya sebagai seorang pendakwah adalah seperti berikut :-

1) DAKWAH DISAMPAIKAN DALAM MAJLIS ILMU (TA'LIM).

Menyelitikan dakwah dalam majlis ilmu merupakan wasilah dakwah yang sangat berkesan dan mempunyai peranan yang besar dalam menyebarkan dakwah . Ianya merupakan wasilah utama yang digunakan oleh Nabi s.a.w dan para sahabat radiyallahhu anhum. Ini dapat dibuktikan dengan sebuah hadis riwayat Muslim (Sahih Muslim, hadis 1285, kitab taharah) daripada Anas bin Malik Radiyallahhu anhu beliau berkata : Ketika kami berada di masjid bersama Rasulullah s.a.w. tiba-tiba datang seorang badwi lalu berdiri untuk kencing di masjid. Para sahabat Nabi s.a.w memarahi dan menggertak badwi tersebut dengan keras ,tetapi Rasulullah s.a.w bersabda : Janganlah kamu memutuskannya,biarkan dia selesai kencing terlebih dahulu,maka para sahabat Nabi membiarkan badwi tersebut kencing sehingga selesai, setelah itu Rasulullah s.a.w pun menasihati dan mengajar badwi tersebut : sesungguhnya masjid ini tidak dibina untuk menjadi tempat kencing dan membuat kekotoran ,masjid adalah tempat untuk zikir,solat dan membaca Al Quran ,setelah itu Nabi s.a.w. memerintahkan seseorang untuk mengambil satu baldi air dan menyiramnya . Dari hadis ini jelas menunjukkan bagaimana Nabi s.a.w menggunakan majlis ilmu sebagai satu peluang untuk berdakwah kepada badwi tersebut



dan mengajar para sahabat bagaimana menyampaikan mesej dan risalah Islam sesuai dengan keadaan mad'u yang ada.

Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu juga menggunakan medium majlis ilmu sebagai salah satu cara untuk menyampaikan dakwah Islam kepada mad'unya, Berikut adalah keadaan yang mana Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu menggunakan majlis ilmu sebagai wasilah dakwahnya . Dalam kitab (*Hilyah Al Auliya' Wa Tabaqat al Asfiya'* imam Abu Nuim) ada menceritakan : Abu Bahirah ada menceritakan kepadanya : Suatu hari aku telah masuk ke Masjid Hims ,aku melihat ada seorang pemuda yang mana di sekelilingnya ada orang yang mengelilinginya,sekiranya dia berkata-kata ,seolah-olah keluar cahaya mutiara dari mulutnya,kemudian aku bertanya : siapakah pemuda tersebut , mereka menjawab : pemuda tersebut adalah Muaz bin Jabal, dalam majlis ilmu tersebut Muaz telah menasihati anak-anak muridnya supaya menjaga solat berjemaah .Diriwayatkan oleh Abu Nuim Al Asbahani : Aku telah masuk ke Masjid Hims, aku mendengar Muaz bin Jabal Radiyallahuan hu berkata : Siapa yang ingin bertemu dengan Allah dalam keadaan yang aman maka hendaklah dia menjaga solat lima waktu setiap kali diseru untuk didirikannya (yakni secara berjemaah) sesungguhnya ianya adalah cara hidup yang diberi petunjuk dan ianya adalah cara yang ditunjukkan kepada kamu oleh nabi kamu.Maka janganlah berkata : Dirumah ku ada tempat solat dan aku bersolat di rumahku ,sekiranya kalian lakukan seperti itu maka kalian telah meninggalkan cara hidup Nabi kalian ,maka siapa yang meninggalkan cara hidup nabi maka dia akan sesat.

Lihatlah bagaimana besarnya peranan majlis ilmu dalam menyampaikan dakwah.Muaz bin Jabal Radiyallahhu an hu menggunakan majlis ilmu untuk menasihati anak –anak muridnya supaya menjaga solat berjemaah. Orang-orang yang datang ke majlis ilmu adalah oaring-orang yang telah bersedia untuk menerima sesuatu dari gurunya maka seharusnya guru tersebut mengambil peluang untuk menyampaikan dakwah dalam majlis ilmu tersebut sama ada dalam keadaan yang jelas dan terang atau secara tersembunyi. Apa yang penting mesej dakwah tersebut dapat disampaikan kepada mad'u.

2) PENGUCAPAN AWAM ATAU KHUTBAH.

Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu seorang tokoh pendakwah yang hebat dalam kelimuan agamanya. Beliau juga merupakan tokoh yang hebat dalam berpidato, sehingga bilamana beliau berpidato,pidatonya akan memberi kesan yang mendalam pada orang yang mendengarnya. Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu tidak hanya berpidato di membar masjid bahkan dalam keadaan yang pelbagai. Tercatat dalam buku sejarah kehidupannya,Muaz bin Jabal pernah berpidato ketika di medan perang,juga memberikan ucapan awam ketika beliau terlantar sakit untuk menyeru manusia kepada agama Allah. Dengan kelebihan yang telah Allah berikan kepadanya,beliau tidak melepaskan peluang menggunakan kelebihan tersebut untuk mengajak manusia kepada agama Allah s.w.t.

Menurut (Imam Al- Hakim dalam kitab Al Mustadrak): Semasa kewafatan Abu Ubaidah Radiyallahhu anhu di Syam ,Muaz Bin Jabal telah bangun di hadapan khalayak yang ada sambil memberikan ucapan katanya :|” Wahai sekalian manusia ! Bertaubatlah kalian kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar taubat dari dosa yang kalian lakukan, bagi manusia yang bertemu Allah dalam keadaan benar-benar bertaubat maka menjadi hak Allah s.w.t untuk mengampunkan dosa-dosa tersebut. Barangsiapa yang berhutang,tunaikanlah hutangnya kerana



manusia itu akan terikat dengan bebanan hutang tersebut, bagi yang bersengketa sesama muslim, pergilah berjumpa dan berdamai serta bersalaman, kerana sesungguhnya setiap muslim itu tidak boleh bermasam muka dan tidak bertegur sapa lebih dari tiga hari, dan dosa tersebut terkait di sisi Allah. Wahai sekalian manusia ! Kalian sudah dikejutkan dengan berita kematian seorang pahlawan, yang demi Allah saya tidak menemukan ada orang yang lebih baik hatinya, lebih jauh pandangannya, lebih suka terhadap hari kemudian dan sangat senang memberi nasihat kepada semua orang. Oleh sebab itu kasihanilah beliau, semoga kamu akan dikasihani Allah.”

Lihatlah bagaimana Muaz Bin Jabal Radiyallahu anhu menggunakan peluang di waktu manusia berkumpul untuk bangkit memberikan ucapan dan nasihat peringatan kepada kaum muslimim. Medium pengucapan awam digunakan oleh Muaz Bin Jabal Radiyallahu anhu dengan bijaksana dan sesuai dengan keadaannya bagi menyampaikan risalah agama Allah.

Dalam peperangan pula menurut (Al Waqidi ,1997) Muaz bin Jabal Radiyallahu anhu telah memberikan ucapan yang berkesan kepada para pejuang dalam peperangan Hims ,kata Muaz “ Wahai sekalian ahli agama ! wahai pejuang dan pembantu agama petunjuk dan kebenaran ! ketahuilah wahai sekalian yang dirahmati Allah! Sesungguhnya rahmat Allah tidak akan turun kecuali dengan amalan dan niat yang ikhlas kerananya, dan ianya tidak dapat dikecapi dengan maksiat dan amalan yang dilakukan bukan kerana mencari redhaNya dan tidak akan masuk syurga kecuali dengan amalan-amalan soleh serta rahmat kasih sayang Allah, rahmat ,kasih sayang Allah serta keampunannya yang luas tidak diberikan kecuali pada mereka-mereka yang sabar dan membenarkan agama, adakah kalian tidak mendengar firman Allah ,kemudian beliau membaca ayat 55 dari surah An Nur yang bermaksud : (Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang saleh bahwa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa dimuka bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diridhai-Nya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka dalam ketakutan menjadi aman. Mereka tetap menyembahku-Ku dengan tiada mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku. Dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik .) kemudian Muaz menyambung : Malulah kalian kepada Allah bilamana Allah melihat kalian dalam keadaan takut dan kecut serta lari dari medan tempur dan kalian berada dalam genggamannya Allah, tiadalah bagi kalian tempat berharap selain daripadanya.

Kini jelas kepada kita bahawa medium ucapan awam sangat memberi impak yang besar dalam berdakwah sekiranya para pendakwah tidak melepaskan peluang memberi ucapan dan menyelitkan unsur-unsur dakwah dalam ucapan mereka. Ianya bergantung kepada kebijaksanaan pendakwah dalam menyebarkan risalah dakwah.

3) PERBUALAN DAN PERDEBATAN .

Menurut (Dr Ameer Awwad Al –Ghariri ,2013) perbualan atau berdebat ini ialah perbincangan atau perbahasan yang terdiri dari dua orang atau dua kumpulan tentang satu tajuk atau topik yang mana kedua pihak mempunyai pandangan sisi mereka tersendiri kemudian masing-masing mempunyai matlamat untuk mencari kata putus atau kebenaran, jauh dari sifat permusuhan dan perkauman, kedua pihak bersedia dengan hujah ilmu dan aqal dan kedua pihak bersedia menerima kebenaran, walau kebenaran itu datang dari pihak lawan .Islam adalah agama



yang menuntut kepada penganutnya untuk mengetahui sesuatu perkara dengan ilmu tanpa mengikut sesuatu itu dengan ikut-ikutan semata tanpa mengetahui sebab musabab sesuatu perkara.

Dalam berdakwah wasilah temu bual dan berdebat telah dinyatakan oleh Allah dalam firmanNya yang bermaksud :” Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk .(Surah An Nahl : 125)

Jika disoroti sejarah kehidupan Muaz Bin Jabal Radiyallahhu anhu dalam perjalanan hidupnya sebagai seorang pendakwah,beliau menggunakan medium temu bual dan berdebat sebagai satu medium menyampaikan dakwah samada dalam keadaan secara langsung atau tidak langsung. Ini terbukti dengan apa yang direkodkan oleh (Bahauddin al Jundi Al Yamani,1995) bilamana Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu berbual dan melakukan soal jawab dengan orang-orang Yahudi di Yaman , orang-orang Yahudi telah bertanya kepada Muaz tentang kunci-kunci syurga, maka Muaz menjawab, “ Rasulullah seorang yang benar, kunci –kunci syugra ialah syahadah sesungguhnya tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan tidak mensyirikannya dengan sesuatu apa pun , berkata orang-orang Yahudi : Kami sungguh hairan mengapa ketika mana engkau menjawab soalan kami engkau memulakan dengan perkataan sesungguhnya Rasulullah seorang yang benar?.Maka Muaz menjawab soalan mereka : Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mengkhabarkan kepada ku bahawa kalian akan bertanya tentang soalan tersebut sebelum aku sampai di sini. Dengan jawapan yang diberikan oleh Muaz kepada orang-orang Yahudi tersebut telah menyebabkan orang-orang Yahudi tersebut memeluk Islam.

Pernah juga berlaku perbualan antara Muaz bin Jabal radiyallahhu anhu dengan Abdullah bin Amru Radiyallahhu anhu yang mana perbualan yang biasa tetapi di selitkan nasihat dan peringatan tentang agama , menurut (At Tabrani ,1995) dari Abdullah bin Amru Radiyallahhu an hu,suatu hari dia telah datang kepada Muaz bin Jabal,ketika itu Muaz bin Jabal sedang berdiri di pintu rumahnya sambil mengisyaratkan tangannya dan bercakap-cakap seorang diri,maka berkata Abdullah : Apa yang engkau sedang lakukan wahai Abu Abdurrahman (gelaran kepada Muaz) aku lihat engkau sedang bercakap seorang diri. Jawab Muaz : Aku tidak mahu dipalingkan musuh Allah sedang aku pernah mendengar Nabi s.a.w. bersabda kepada ku ,tinggalkan lah apa yang kamu resahkan di rumahmu sekarang tidakkah kamu mahu keluar ke majlis ? aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda : “ Siapa yang keluar pada jalan Allah maka Allah akan menjadi penjaminnya , siapa yang menziarahi orang sakit maka Allah akan menjadi penjaminnya,maka barang siapa yang keluar pagi dan petang ke masjid Allah akan menjadi penjaminnya “)

Perbualan dan debat yang baik mampu menjadi wasilah dakwah yang efisien dalam menyampaikan dakwah kepada para mad’u .Pendakwah harus mengasah dan mempelajari teknik perbualan dan debat yang berkesan dalam menempuh arus dan medan dakwah yang semakin mencabar.

4) MEMBERI FATWA .

Seorang pendakwah boleh menggunakan peluang ketika mana memberikan fatwa untuk menyampaikan mesej dakwah kepada mad’u. Menjadikan pemberian fatwa sebagai satu medium



dakwah merupakan satu perkara yang sangat penting, ini kerana seorang pendakwah dapat menyampaikan dakwah secara langsung kepada mad'u ketika mana para mad'u datang bertanyakan sesuatu hukum.

Inilah yang berlaku kepada Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu dalam perjalanan dakwahnya. Muaz bin Jabal Radiyallahhu an hu merupakan seorang mufti yang telah mendapat pengiktirafan dari Nabi s.a.w. Semasa Nabi masih hidup lagi Muaz merupakan tempat rujukan para sahabat untuk bertanyakan sesuatu hukum. Ini dapat dilihat bilamana Nabi s.a.w memberikan pengiktirafan kepada Muaz Radiyallahu anhu : Sabda Nabi s.a.w Dari Anas bin Malik , telah bersabda Nabi s.a.w. (Ummat aku yang paling penyayang kepada ummat aku adalah Abu Bakar , yang paling tegas atas pendirian ialah Umar , yang paling pemalu adalah Usman , yang paling mengetahui hukum halal dan haram adalah Muazz. (Imam Tirmizi , no hadis : 3790)

Muaz bin Jabal Radiyallahu an hu merupakan seorang cediakawan di kalangan para sahabat , beliau merupakan salah seorang dari 6 orang *fuyaha'* yang ada di Madinah pada masa Nabi s.a.w masih hidup . Menurut (Abu Nuaim ,1998) Berkata Sofwan bin Salim : Tiada sesiapa pun yang boleh memberikan fatwa pada zaman Nabi s.w.a. di Madinah kecuali Umar , Ali , Muaz dan Abu Musa *Radiyallahu an hum ajmain*.

Berkata (Abu Nuaim,1973) Dari Abdullah bin Salamah , telah datang seorang lelaki kepada Muaz bin Jabal : Ajarkan kepada ku , Muaz berkata : Adakah kamu akan mentaatiku . Berkata pemuda tersebut : Ya , aku akan mentaati mu. Kata Muaz : Pualah kemudian terbuka, Solatlah kemudian tidur, kerjalah dan kamu tidak berdosa, dan janganlah kamu mati melainkan kamu seorang muslim dan takutlah kamu dengan doa orang yang dizalimi.

Di atas pengiktirafan dari Nabi dan kemampuan ilmu yang mendalam, pendapat dan pandangan Muaz amat dihormati oleh Khalifah. Diceritakan oleh (Al Baihaqi , 2003) bahwa setelah Nabi wafat, Muaz bin Jabal pernah memperbetulkan keputusan Umar menghukum rajam seorang wanita hamil kerana ditinggal suaminya selama dua tahun dan tidak pernah balik rumah. Saat itu, masyarakat sudah siap sedia untuk merajam wanita yang dituduh berzina, namun tidak diketahui dengan siapa wanita itu berzina. Umar yang sudah datang di lokasi wanita tersebut hampir saja bersetuju dengan pendapat para sahabat lain yang ingin merajam wanita itu. Beruntung, Muaz tidak terlambat datang dan menemui Umar. Mu'az mengingatkan Umar yang hampir tergesa-gesa memberikan keputusan, "Sahabatku, Umar, Anda berhak menghukum rajam wanita ini, tapi ingat! janin yang ada di dalam kandungan wanita itu tidak berdosa sama sekali. Apakah anda rela janin tersebut meninggal bersama ibunya?" Akhirnya, Umar dan para sahabat yang lainnya menerima pendapat dan pandangan Muaz untuk menunda merajam wanita tersebut. Setelah bersalin, ternyata wajah anak itu seiras dengan bapaknya yang telah meninggalkan anak dan istrinya selama dua tahun. Tidak disangka-sangka pula, bapak anak yang baru lahir itu balik ke rumahnya dan akhirnya berkumpul bersama anak dan istrinya.

Dari pengriwayatan kisah yang dinyatakan jelas membuktikan bagaimana Muaz Bin Jabal Radiyallahhu anhu menggunakan medium pemberian fatwa sebagai salah satu wasilah dakwahnya.

5) TURUN DAN TINGGAL BERSAMA MAD'U .

Turun dan tinggal bersama mad'u antara wasilah dakwah yang mempunyai peranan yang besar dan mempunyai impak yang tinggi dalam keberkesanan dakwah. Tinggal dan hidup sekali



dalam satu perkampungan dengan mad'u lebih praktikal bagi golongan yang baru memeluk Islam, ini bagi menjamin golongan muallaf ini terjaga dan terus terbimbing.

Tercatat dalam sejarah bahawa Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu telah meninggalkan kota Madinah dan keluar menetap di kota Makkah, Yaman dan Sham bagi menyampaikan dakwah.

Menurut (Imam Tabari, 2011 dan Imam Ibnu Hisham, 1990) selepas pembukaan Kota Makkah Nabi s.a.w telah memerintahkan kepada Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu untuk turun dan menetap di Makkah bagi mengajar penduduk-penduduk Makkah bacaan al Quran. Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu telah menetap dan tinggal bersama-sama penduduk Makkah untuk beberapa tahun.

Menurut (Imam Baihaqi) Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu juga pernah menetap di Yaman bagi menyampaikan dakwah, Muaz menetap di Yaman sehingga selepas kewafatan Nabi s.a.w. Keberadaan Muaz di Yaman telah membawa sinar baru bagi Islam bilamana kebanyakan pembesar dan penduduk Yaman memeluk Islam hasil dari kesungguhan Muaz dalam menyebarkan dakwah Islam dengan izin dari Allah s.w.t.. Kemudian selepas kewafatan Nabi s.a.w Muaz kembali ke Madinah. Tidak kekal lama di Madinah selepas itu Muaz bermusafir ke Syam dan kekal di Syam dalam penyebaran dakwahnya sehingga beliau wafat di sana (Dr Ahmad Muhammad Al Ulaimi)

Turun dan tinggal bersama mad'u adalah wasilah dakwah yang memerlukan pengorbanan harta, masa dan tenaga yang begitu besar. Hanya pendakwah yang hebat dan sanggup berkorban sahaja mampu menjadikan wasilah ini sebagai satu wasilah dakwah dalam perjalanan kehidupan mereka. Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu adalah salah seorang sahabat Nabi yang telah membuktikan keikhlasannya dalam berdakwah dan menjadikan turun dan tinggal bersama mad'u sebagai salah satu wasilah dakwahnya.

KESIMPULAN

Demi untuk menyampaikan dakwah Islam ke seluruh alam, seorang pendakwah perlu menggunakan pelbagai wasilah dan pendekatan mengikut keadaan mad'u dan kemampuan diri pendakwah itu sendiri. Tiada salahnya seorang pendakwah mengkaji dan meneliti sirah kehidupan tokoh-tokoh pendakwah yang terdahulu bagi mengetahui bagaimana para pendakwah terdahulu menggunakan medium dakwah yang ada pada zaman mereka untuk mengajak manusia kepada agama Allah s.w.t. Kehidupan tokoh pendakwah hasil dari didikan Nabi s.a.w iaitu para sahabat Nabi s.a.w perlu kita kaji dan telusuri bagi melihat bagaimana mereka mampu menyebarkan Islam pada zaman kehidupan mereka. Ramai lagi tokoh-tokoh pendakwah dari kalangan sahabat yang perlu kita keluarkan dan kita perkenalkan kepada para pendakwah sebagai contoh dan rujukan dalam medan dakwah. Mereka insan-insan hebat yang ditarbiyah dengan tangan Rasulullah s.a.w. yang pastinya ada mutiara-mutiara berharga yang perlu kita ketahui bagi kita terus maju di medan dakwah ini dan seterusnya Islam agama yang kita cintai terus hidup dan segar di bumi ini.



RUJUKAN

- Najidah Zakaria dan Abu Dardaa Mohamad ,Media Sebagai Wasilah Dakwah,Al Hikmah,5. Al-. pp. 92-99. ISSN 1985—6822,UKM Jurnal Article Repository ,2013.
- Dr Ameer Awwad al Ghariry,*Dhaur Al Hiwar Wa addakwah fi tauhid Sof Al Ummah fi Muajihat A'daaihaa*,Tikrit University Jurnal For Sientific Asslmic,2013,Issue :16,mls 174-207.
- At Tabari,*Tarikh Al Umam wal Muluk Al Ma'ruf bi Tarikh At Tobar*,Cetakan kedua : Dar At Thurath,Bierut ,2011.
- Dr. Ahmad Muhammad al Ulaimi, *Rehlah Muaz bin Jabal Radiyallahhu anhu Ad Daa'wiyah Ila Al Yaman*, PDF
- Ibnu Hisham,Abdul Malik bin Hisham Al Humairi al Maa'firi,*Sirah An Nabawiyah* ,tahqiq: Mustafa As Saqa dan Ibrahim Al Abyari ,Maktabah Al Baabi Al Halabi,Mesir 1955.
- Abu Nuaim Ahmad bin Abdullah Bin Ahmad Al asbahani,*Ma'rifat As Sahabah*, tahqiq : Dr Adil Yusof Al Azazi,Dar Al watan-Riyadh,cetakan pertama 1998.
- Muslim bin Al Hajjaj Abu Al Hassan An Naisaburi, *Sahih Muslim*, tahqiq : Muhammad Fuad Abdul Baqi, Dar Ihya' At Thurath al Arabi-Bierut.
- Al Hakim,*Mustadrak Ala Sohihaini*,Maktabah Islami,Beirut ,Cetakan Pertama ,1995.
- Imam Tirmizi, *Al Jami' Al Kabir*,Dar Gharb Al Islami,Bierut,1998.
- Bahauddin al Jundi Al Yamani, *As Suluk Fi Thabaqat Al Muluk*,Maktabah Irsyad,cetakan Kedua 1995.
- Abu Nuiam Al Asbahani, *Hilyah Al Auliyak Wa Tabaqat Al Asfiyak*, Maktabah As Saadah,Mesir,1973.
- Al Waqidi, *Futuh As Syam*,dar Kutub Al Ilmiyyah,Bierut,Cetakan Pertama ,1997.